KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2025

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**
**PENDIDIKAN ISLAM** **1223/1**
**Kertas 1**
**Ogos 2025**
2 ½ jam **Dua jam tiga puluh minit**

1223/1 PENDIDIKAN ISLAM KERTAS 1

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **lima** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. ***Buku Jawapan*** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi **6** halaman bercetak.



CamScanner

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. *(a)* Firman Allah SWT:

> قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِكُمْ <u>سُنَنٌ</u> (1) فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
> الْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَٰذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى <u>وَمَوْعِظَةٌ</u> (2) لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا
> تَحْزَنُوا وَأَنتُمُ الْأَعْلَوْنَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾
>
> (Surah ali-Imran: 137-139)

Ayat di atas mengajak umat Islam untuk mengkaji sunnatullah yang telah berlaku dengan kekuasaan Allah SWT.

(i) Nyatakan maksud kalimah yang bergaris di atas. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan kepentingan mengkaji dan meneliti sejarah umat terdahulu. [2 *markah*]

> Sunnatullah berasaskan kepada konsep sebab, musabab dan akibat.

(iii) Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda dapat menghayati pernyataan di atas dalam kehidupan? [4 *markah*]

*(b)* Sabda Rasulullah SAW:

> عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بنِ عُمَرَ يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ،
> الإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ
> زَوْجِهَا وَمَسْؤُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، - قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنْ
> قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ - وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.
>
> (رواية البخاري)

Hadis di atas menjelaskan setiap individu mempunyai tanggungjawab dalam kehidupan.

(i) Nyatakan **dua** tanggungjawab individu selain pemimpin. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab sebagai seorang pemimpin. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 *markah*]

*(c)* Nyatakan **dua** jenis *mad lazim.* [2 *markah*]



CamScanner

2. (*a*) Al-Syahid merupakan antara nama Allah SWT yang perlu kita ketahui.

(i) Apakah maksud nama Allah al-Syahid? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan bukti Allah SWT bersifat al-Syahid. [2 *markah*]

| |
|---|
| Beriman dengan nama Allah al-Syahid melahirkan rasa takut dalam diri seorang mukmin. |

(iii) Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 *markah*]

(*b*) (i) Nyatakan takrif ajaran sesat. [2 *markah*]




Sumber: *https://www.mais.gov.my/artikel-khas-2/*

(ii) (a) Ramalkan implikasi fahaman di atas terhadap masyarakat. [2 markah]

(b) Bagaimanakah cara untuk memelihara iman daripada terpengaruh dengan situasi di atas? Huraikan. [4 markah]

(c) (i) Terangkan prinsip utama Khawarij yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan perbezaan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan Khawarij berkaitan isu pelaku dosa besar. [2 *markah*]



CamScanner

3 (*a*) Solat sunat duha merupakan ibadah sunat yang amat dituntut dalam Islam.

(i) Apakah maksud solat sunat duha? [2 *markah*]

(ii) Nyatakan kaifiat menunaikan solat sunat duha. [2 *markah*]

| Duha ialah cerminan kebersihan jiwa seseorang. |
|---|

(iii) Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 *markah*]

(*b*) (i) Nyatakan maksud *rujuk*. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** syarat *rujuk*. [2 *markah*]

| Islam memberikan hak talak dan rujuk kepada suami. |
|---|

(iii) Huraikan hikmah pensyariatan perkara di atas. [4 *markah*]

(*c*) Jelaskan hukum dan alasan bagi situasi berikut:

(i) Seorang ayah melaksanakan akikah dengan menyembelih seekor kambing untuk anak lelakinya. [2 *markah*]

(ii) Penyembelihan dilakukan oleh kanak-kanak perempuan. [2 *markah*]



CamScanner

4. (*a*) Imam Malik r.a merupakan pengasas kepada mazhab Maliki.

(i) Nyatakan **dua** keperibadian beliau. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan bukti kesungguhan Imam Malik r.a dalam menuntut ilmu. [2 *markah*]

| Mazhab | Kawasan Sebaran |
|---|---|
| Hanafi | Seluruh Asia Tengah dan Eropah |
| Maliki | Mesir, Andalus, Tunisia, Afrika |
| Syafii | Mesir, Iraq, Syria, Malaysia, Indonesia, China, Pakistan dan India |
| Hanbali | Baghdad, Mesir, Najd |

(iii) (a) Mengapakah wujud mazhab yang berbeza seperti di atas? [2 *markah*]

(b) Berdasarkan maklumat di atas, bagaimanakah cara mengekalkan keharmonian dalam masyarakat Islam? [4 *markah*]

(*b*) Ahmad bin Ibrahim merupakan seorang tokoh ilmuan Islam yang terkenal di Malaysia.

(i) Nyatakan **dua** riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim. [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** hasil karya beliau. [2 *markah*]

(*c*) (i) Senaraikan **dua** khalifah yang terkenal dalam kerajaan Abbasiyah. [2 *markah*]




(ii) Huraikan hujah anda untuk menyangkal dakwaan murid B. [4 *markah*]

5 (*a*) Sifat *khauf* dan *raja'* perlu ada dalam setiap diri muslim untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

(i) Apakah maksud *khauf*? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan contoh *khauf* dan *raja'* yang diamalkan oleh Rasullullah SAW. [2 *markah*]

NATIONAL

**4,994 kes buli direkodkan dari Januari hingga Oktober 2023**

**KUALA LUMPUR:** Data daripada Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) dari Kementerian Pendidikan (KPM) menunjukkan jumlah kes buli meningkat dari tahun 2021 hingga 2023.

Sumber diubahsuai: *https://www.astroawani.com/berita-malaysia/4994-kes-buli-direkodkan-dari-januari-hingga-oktober-2023-444181*

(iii) Bagaimanakah sifat *khauf* dapat mencegah masalah di atas? Huraikan. [4 *markah*]

(*b*) Alam sekitar merupakan anugerah Allah SWT yang tidak ternilai.

(i) Jelaskan **dua** adab menjaga alam sekitar. [2 *markah*]

Penularan wabak penyakit berjangkit semakin meningkat.

(ii) (a) Huraikan bagaimanakah gaya hidup pada hari ini boleh menyumbang kepada situasi di atas? [2 *markah*]

(b) Berdasarkan pernyataan di atas, cadangkan langkah pencegahan yang sesuai. [4 *markah*]

(*c*) Terangkan **dua** adab terhadap orang sakit daripada aspek ibadat. [4 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



CamScanner